



SIARAN AKHBAR
Jabatan Buruh
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

PEMBUKAAN SEMULA KAUNTER PERKHIDMATAN
DI JABATAN BURUH

1. Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini memaklumkan bahawa semua kaunter-kaunter perkhidmatan di Ibu Pejabat dan cawangan Kuala Belait akan dibuka semula bermula pada **Hari Sabtu, 2 Zulhijjah 1443 bersamaan 2 Julai 2022** dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi, dan 1.45 petang hingga 3.45 petang pada setiap Hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu. Sehubungan itu, perkhidmatan *Drop-box* adalah dengan ini dihentikan bermula pada tarikh tersebut.
2. Orang ramai yang berhasrat untuk membuat sebarang permohonan bagi perkhidmatan-perkhidmatan di Jabatan Buruh hendaklah menghadapkan Borang Permohonan beserta dengan dokumen-dokumen yang lengkap. Borang Permohonan boleh dimuat turun dari laman sesawang www.labour.gov.bn.
3. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi melalui e-mel info.buruh@buruh.gov.bn atau talian +673 2380 256/2381 907/2383 905/ 2383 006 bagi Ibu Pejabat; dan +673 3331 549 bagi Cawangan Daerah Belait.

Sekian disampaikan.

Jabatan Buruh
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Tarikh : 30 Zulkaedah 1443 bersamaan 30 Jun 2022M

Rujukan : PJB/8000/1 Pt.2